



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KPWKM HULUR BANTUAN ZIARAH KELUARGA ZURAIDAH

KAJANG, 13 November - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim mengadakan lawatan ke rumah Puan Zuraidah Saizli, 35 di sini, hari ini. Kesusahan beliau yang pernah disiarkan di dalam akhbar Harian Metro terpaksa menjaga kedua ibu bapanya yang sakit dan juga 3 orang anaknya telah mendapat perhatian daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Beliau terpaksa menyerahkan 2 orang anak kepada kakak iparnya untuk dijaga akibat tidak mampu untuk menjaga dan menanggung kesemua mereka setelah kematian suaminya.

Menurut Rohani, beliau yang bersimpati dengan keadaan keluarga ini telah memohon Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjalankan siasatan. Sehubungan dengan itu, Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM300 akan diberikan kepada ibunya mulai November 2013 hingga Oktober 2014.

"Saya berharap agar pemberian bantuan ini akan dapat meringankan beban Zuraidah untuk menampung keperluan keluarganya khusus kepada ibunya yang telah tua", katanya.

Beliau turut menjelaskan mengenai prosedur permohonan bantuan warga emas boleh dimohon melalui lawan sesawang JKM ataupun tampil ke mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran bagi mengemukakan permohonan tersebut.

Bagi tahun 2012, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membelanjakan sebanyak RM519.3 juta untuk Bantuan Orang Tua yang memberi manafaat kepada 152,138 warga emas di seluruh negara.

Turut hadir dalam lawatan ini adalah Dato' Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Encik Nik Omar Nik Abdul Rahman, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, dan pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
No.Telefon : 019-233 3110 (Helya) / 019-216 4031 (Ain)
Tarikh dikeluarkan : 13 November 2013